

'Raja kad kredit palsu'

H.M 3/11/03 M/S 21

Lelaki miliki 23 pasport, lebih 1,500 kad kredit dicekup

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin

anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang penjenayah warga Malaysia dinobatkan sebagai 'raja kad kredit palsu' apabila dikesan mengeluarkan dan memiliki hampir 1,600 kad kredit palsu yang ditafsir mampu mengeluarkan wang haram lebih 100,000,000 Baht (RM10 juta).

Suspek berusia 47 tahun itu yang bergiat sebagai penjenayah antarabangsa dikesan aktif melakukan penipuan pasport dan kad kredit palsu sejak beberapa bulan lalu hingga menyebabkan polis Thailand 'pening' untuk menyelesaikan kes terbabit.

Akhbar Nation Thailand melaporkan, usaha polis sejak tiga bulan lalu akhirnya berhasil apabila suspek yang dikenali sebagai Lau Seng, 47, ditahan bersama seorang lagi rakyat negara berkenaan berusia 29 tahun.

Difahamkan suspek warga Malaysia terbabit dalang serta perancang utama kegiatan pemalsuan kad kredit palsu

membabitkan mangsa di kalangan pelancong dan warga asing yang datang ke negara berkenaan.

Suspek yang sekian lama menjadi buruan polis Thailand akhirnya diberkas baru-baru ini selepas dipercayai mempunyai rangkaian luas termasuk pemberi maklumat kewangan dari luar negara.

Maklumat menyatakan hasil tangkapan berkenaan, pihaknya merampas 23 pasport palsu pelbagai negara termasuk lebih 1,500 kad kredit palsu beberapa bank tempatan dan antarabangsa.

Di samping itu, turut ditemui 83 kad kredit palsu yang mempunyai jalur magnetik dan sedia digunakan untuk membuat pengeluaran wang di mesin pengeluaran wang automatik (ATM) atau membeli-belah.

Siasatan polis mendapati semua kad kredit palsu dengan pelbagai had pengeluaran itu mampu digunakan bagi membuat pembelian atau pengeluaran wang bernilai lebih RM10 juta.

Siasatan lanjut mendapati maklumat pemilik asal kad kredit berkenaan diperolehi

suspek dengan mencuri melalui Internet terutama membabitkan pemilik akaun bank di Amerika Syarikat.

Selain terbabit dengan kes penipuan kad kredit, suspek turut dikesan aktif dalam kegiatan penyeludupan wang dan pelbagai jenayah komersial lain.

Ketua Biro Siasatan Pusat, Komisioner Pol Lt-General Worapong Chiewprecha, dipetik berkata, kes penipuan kad kredit palsu terbabit yang mula dikesan meningkat sejak tiga bulan lalu menyebabkan pihak polis negara berkenaan panik seketika itu untuk memburu dalang sebaliknya.

Menurutnya, Thailand menjadi pilihan utama penjenayah antarabangsa untuk beroperasi berikutan negara berkenaan mempunyai pintu yang mudah dimasuki serta melarikan diri.

Kes membabitkan rakyat Malaysia ditahan kerana terbabit dalam pengedaran kad kredit cetak rompak bukan kali pertama dilaporkan berikutan jumlah tangkapan penjenayah dengan taktik sama semakin ramai diberkas kebelakangan ini.